



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

ISNIN / 30 OKTOBER 2023

- 1. PROJEK SAWAH ALA SEKINCHAN DIPERLUAS – KOSMO**
- 2. SMART PADI FIELD PROJECT SET TO GROW – THE STAR**
- 3. PROGRAM SAWAH PADI ALA SEKINCHAN DIPERLUAS – SINAR HARIAN**
- 4. PENDUDUK PROSES SENDIRI PADI – BERITA HARIAN**
- 5. 10 TAHUN BERAS TEMPATAN TAK CUKUP TAMPUNG PERMINTAAN –
UTUSAN MALAYSIA**
- 6. SMART SBB DIPERKASA ELAK GANGGUAN BEKALAN – UTUSAN
MALAYSIA**

DISEDIAKAN OLEH:

CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT (MADA)

KERATAN AKHBAR : KOSMO
TARIKH : 30 OKTOBER 2023
PERKARA : RENCANA ISU SEMASA

Usaha kerajaan untuk menjamin bekalan makanan tempatan sentiasa cukup

Projek sawah ala Sekinchan diperluas

Oleh **KAMALIZA KAMARUDDIN**

BESUT – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan sedang memperkasakan pelaksanaan Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) Ala Sekinchan dalam skala lebih besar di seluruh negara.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ia sebahagian daripada proses intervensi yang sedang dilakukan untuk mengembalikan semula momentum pertumbuhan ekonomi bagi menjamin bekalan makanan tempatan sentiasa mencukupi.

Beliau berkata, program tersebut juga bertujuan memastikan tidak akan berulang lagi gangguan bekalan beras ekoran global yang sedang melanda di seluruh negara ketika ini.

"Pelaksanaannya melibatkan seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak agar dapat menampung keperluan wilayah itu yang masih agak rendah pada masa ini.

"Begitupun, kita yakin pengeluaran beras di Sabah dan Sarawak bukan sahaja boleh menampung keperluan dalam negeri seterusnya membekalkan beras untuk negeri-negeri lain



MOHAMAD (tengah) ketika merasmikan program Santal Agro Madani Penuaian Ala Sekinchan di Kampung Gerai, Jerjeh semalam.

dengan pelan strategik telah dirancang," katanya di Kampung Gerai, Jerjeh di sini semalam.

Terdahulu beliau merasmikan program Santal Agro Madani: Penuaian Smart Sawah Berskala Besar Ala Sekinchan IADA Kertara-Bernas.

Pada ketika ini, seramai 22 orang pesawah terlibat dalam projek rintis Smart SBB Ala Sekinchan IADA Kertara-Bernas di Kampung Gerai.

Mohamad berkata, Smart SBB Ala Sekinchan sedang dilaksanakan di seluruh negara melibatkan hampir 10,000 pesawah dengan keluasan lebih 26,000 hektar sejak penghujung tahun 2021.

Tambah beliau, selain Sabah dan Sarawak, beberapa negeri lain seperti Pahang dan Johor juga mengamalkan kaedah penanaman padi yang moden bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran beras berkualiti tinggi.

"Kami juga memberi fokus kepada jadual penanaman padi di negeri-negeri Pantai Timur untuk membolehkan pesawah dapat menuai padi sebelum tibanya musim tengkujuh sekali gus mengelakkan berlakunya kerugian," jelas beliau.

KERATAN AKHBAR : THE STAR
TARIKH : 30 OKTOBER 2023
PERKARA : RENCANA ISU SEMASA

Smart padi field project set to grow

JERTIH: A smart padi field project will be expanded and the planting schedule re-examined to meet the needs for local rice in the country, says the Agriculture and Food Security Ministry.

Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said the government is working to further expand the Ala Sekinchan Large-Scale Smart Padi Field (SMART SBB) project throughout the country, including in Sabah and Sarawak.

"While rice production in Sabah and Sarawak currently falls short of meeting their own population's needs, we are confident that in the long term, both states can not only fulfil their domestic requirements but also contribute to other states," he told Bernama during a SMART SBB programme at Kampung Gerai here yesterday.

Besides Sabah and Sarawak, the ministry, Mohamad said, had also received favourable responses from states such as Pahang and Johor to carry out the project, which involves integrated padi farming

using modern technology to increase the crop yield and produce better quality rice.

He said the project, which was introduced at the end of 2021, is now implemented almost across the country, involving almost 10,000 farmers and covering over 26,000ha of padi fields.

The government, he said, will also re-examine the padi planting schedule, especially in the east coast states so that rice harvesting will fall before the arrival of the monsoon season.

"This way, we can reduce the losses suffered by farmers whose padi fields are in flood-risk areas," he added.

It was earlier reported that SMART SBB is a government initiative to develop padi cultivation areas by optimising land usage and increasing the efficiency of padi production activities.

This programme also aims to increase the country's padi production and income of padi farmers.



On the ground: Mohamad (second from right) and others visiting a padi field during the SMART SBB programme at Kampung Gerai in Jerleh, Terengganu. — Bernama

KERATAN AKHBAR : KOSMO
TARIKH : 30 OKTOBER 2023
PERKARA : RENCANA ISU SEMASA

Program sawah ala Sekinchan diperluas

Tampung keperluan beras tempatan terutama bagi negeri terjejas musim tengkujuh

JERTIH

Kerajaan sedang memperhebatkan lagi Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) ala Sekinchan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ia bagi menampung keperluan beras tempatan terutama bagi negeri yang terjejas dengan musim tengkujuh.

"Sekarang ini pengeluaran padi di Sabah dan Sarawak pun masih di paras rendah untuk mencukupkan keperluan bagi penduduk mereka.

"Tetapi kita yakin dalam jangka masa panjang kedua-dua negeri tersebut boleh menjadi negeri jelapang padi, bukan sahaja pengeluarannya cukup untuk



Mohamad (dua dari kanan) meninjau kawasan sawah padi di Kampung Gerai, Jertih pada Ahad.

penduduk dalam negeri tetapi dapat juga mereka bekalkan beras ke negeri-negeri lain nanti," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyempurnakan Program Santai Agro Madani Penuaian Program SMART SBB Ala Sekinchan di Dewan Terbuka Kampung Gerai di sini pada Ahad.

Dalam pada itu beliau berkata, kerajaan akan meneliti semula jadual penanaman padi terutama di negeri Pantai Timur bagi membolehkan padi dituai sebelum musim tengkujuh.

Hal itu katanya bagi mengurangkan kerugian ditanggung petani yang mempunyai sawah di kawasan berisiko banjir. - Bernama

KERATAN AKHBAR : BERITA HARIAN
TARIKH : 30 OKTOBER 2023
PERKARA : RENCANA ISU SEMASA

Penduduk proses sendiri padi

Pesawah akui kualiti lebih baik, mampu peroleh 14kg beras setiap 20kg padi diproses dengan mesin

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my

Pandang: Ketika penduduk bandar mengeluh sukar mendapatkan bekalan beras tempatan, ada keluarga petani di luar bandar negeri ini, mempunyai pilihan dengan memproses sendiri padi yang disimpan, bagi mendapatkan beras untuk kegunaan keluarga masing-masing.

Penduduk Alor Berhala, Mohamad Zabidi Abdullah, 57, berkata tradisi menumbuk padi sememangnya biasa dilakukan di kampung itu, terutama keluarga pesawah suatu masa dahulu.

Namun, selari peredaran zaman katanya, tradisi itu tidak lagi dilakukan dan kebanyakan penduduk hanya membeli beras atau menghantar padi ke kilang untuk diproses bagi mendapatkan beras.

"Dahulu setiap keluarga yang mengusahakan sawah mesti ada lesung padi, tapi kebanyakan lesung dan kayu uli sudah 'ghaib' ketika ini. Ketika saya kecil masih ada lagi orang menumbuk padi di kampung, tapi lama kelamaan tidak ada lagi.

"Sekitar 2018 saya bersama abang ipar, Zainol Hassan, 71, mula menanam pokok padi pulut. Jadi, untuk proses beras pulut, kami beli mesin memproses beras di Thailand pada harga RM1,700 dan bawa pulang ke kampung," katanya ketika ditemui BH di sini.

Ambil masa 15 minit

Mohamad Zabidi berkata, memproses beras menggunakan mesin tidak sukar dan hanya mengambil masa kira-kira 15 minit bagi seguni padi seberat 20 kilogram (kg).

Katanya, bagi setiap 20kg padi, maka hasil beras yang diperoleh



Mohamad Zabidi memproses sendiri padi menggunakan mesin di Kampung Alor Berhala, Pendang.

(Foto M Hifzuddin Ikhsan/BH)

kira-kira 14kg dan selebihnya adalah beras hancur yang boleh digunakan untuk membuat ikan pekasam pula.

"Padi yang diproses paling elok adalah yang sudah disimpan selama satu musim atau kira-kira enam bulan di dalam jelapang untuk membolehkannya kering sepenuhnya berbanding padi baharu dituai yang selalunya masih basah.

"Berkemungkinan besar, hanya kami di daerah ini ada mesin memproses padi bagi mendapatkan beras, tapi tujuan kami bukan untuk menjual beras, hanya proses untuk kegunaan keluarga dan diberikan kepada jiran sahaja," katanya.

Bagi Zainol pula, beras yang diproses sendiri mempunyai kualiti sama seperti beras import dari segi saiz, selain rasanya lebih enak berbanding beras diproses di kilang.

"Beras kampung biasanya mempunyai kanji yang banyak, jadi rasa nasi yang dimasak akan lebih manis dan berlemak berbanding beras kilang yang selalunya dibuang kanji ketika proses wap," katanya.

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 30 OKTOBER 2023

PERKARA : RENCANA ISU SEMASA

10 tahun beras tempatan tak cukup tampung permintaan

Oleh OMAR ZIN
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Pengeluaran beras putih tempatan hanya sekitar 1.6 juta tan metrik setahun, jumlah yang tidak meningkat dengan ketara dalam tempoh 10 tahun.

Jumlah itu juga tidak cukup untuk menampung keperluan keseluruhan penduduk yang memerlukan 2.4 juta tan metrik beras setahun, menyebabkan selebihnya ditampung dengan pengimportan beras yang kini mencecah nilai RM2.5 bilion setiap tahun.

Menurut statistik Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Malaysia mencatatkan pengeluaran tertinggi pada 2014 dengan 1.835 juta tan metrik setahun manakala pengeluaran terendah pada 2019 dengan 1.516.3 juta dan pengeluaran kedua terendah pada 2022 dengan 1.574 juta tan metrik.

Tiga negeri mencatatkan pengeluaran tertinggi bagi 2020 dan 2022 adalah Kedah, Kelantan dan Perak manakala tiga negeri dengan pengeluaran tertinggi pada 2021 adalah Kedah, Kelantan dan Perlis.

Hasil daripada pengeluaran beras tempatan itu, Kadar Sara Diri (SSR) hanya berada pada seki-

“**Salah satunya disebabkan pengurangan ribuan hektar kawasan padi yang digunakan untuk projek perumahan dan tanaman lain.**”

tar 62.9 peratus pada 2020, 65.2 (2021) dan 62.6 peratus pada 2022 walaupun kerajaan menyasarkan SSR beras sebanyak 75 peratus pada 2025 dan 80 peratus pada 2030 dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dan Dasar Agromakanan Negara 2021-2023.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, penyelidik Laboratori Agronomi dan Perlindungan Tanaman Lestari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datuk Dr. Abdul Shukor Juraimi menjelaskan, punca pengeluaran beras tempatan tidak meningkat kera-

na faktor keluasan tanaman padi, pengurusan dan fasiliti kawasan jelapang padi.

Katanya, keluasan tanaman padi di Malaysia hanya kira-kira 600,000 ke 700,000 hektar jika dibandingkan dengan kawasan tanaman padi di Thailand seluas 10 juta hektar manakala Vietnam mempunyai 7.5 juta hektar.

“Salah satunya disebabkan pengurangan ribuan hektar kawasan padi yang digunakan untuk projek perumahan, tanaman lain dan sebagainya. Ada juga penambahan kawasan padi dibuat tetapi tidak banyak.

“Sebab itu, kita cadangkan kawasan sawah padi diwartakan kerana kebanyakannya merupakan milik kerajaan negeri. Keluasan tanaman padi perlu ditambah jika populasi penduduk termasuk pekerja asing semakin bertambah,” katanya ketika dihubungi.

Katanya, jika keluasan tanaman padi tidak ditambah segera, pengeluaran beras tempatan sekitar 1.6 juta tan metrik tidak lagi mencukupi meskipun mengimport beras dari luar negara.

“Tanah kurang tetapi populasi semakin bertambah, jika berterusan, kita tidak akan dapat menyaingi negara lain. Jika Thailand ada 10 juta hektar, Malaysia sejuta

hektar pun tak sampai,” katanya.

Katanya, pengeluaran beras juga amat bergantung kepada pengurusan dan fasiliti di kawasan-kawasan tanaman padi, dalam menghadapi pelbagai cabaran seperti penyakit, bencana dan cuaca tidak menentu.

“Salah satu faktor statistik pengeluaran beras dilihat mendarat kerana faktor pengurusan. Ada juga kawasan yang tidak terurus dari segi penanaman, baja dan pengairan. Ia memerlukan pengurusan dan penjagaan yang betul bagi meningkatkan hasil pengeluaran,” katanya.

Justeru, katanya, jika keluasan tanaman padi dan fasiliti ditingkatkan, kerajaan tidak perlu lagi membelanjakan sehingga hampir RM3 bilion untuk beras import.

“Perbanyak penanaman padi di luar jelapang serta tingkatkan fasiliti. Jika 500,000 hektar ditambah, 1 juta hektar boleh tanam dua kali setahun, insya-Allah boleh capai SSR 75 peratus.

“Memang ia akan memakan masa dan duit tetapi lebih baik RM2.5 bilion ke RM3 bilion beras import setiap tahun digunakan untuk menambah keluasan tanaman, fasiliti dan sistem pengairan. Fikirannya secara jangka panjang,” katanya.

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
TARIKH : 30 OKTOBER 2023
PERKARA : RENCANA ISU SEMASA

SMART SBB diperkasa elak gangguan bekalan

BESUT: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan akan memperkasakan pelaksanaan Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan dalam skala yang lebih besar di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, program tersebut sebahagian daripada proses intervensi yang sedang dilakukan kementerian untuk mengembalikan semula momentum pertumbuhan ekonomi bagi memastikan bekalan makanan sentiasa terjamin dan mencukupi di negara ini.

Katanya, program itu juga bertujuan memastikan gangguan bekalan beras berikutan isu global ketika ini tidak lagi berulang.

“Pelaksanaannya turut melibatkan Sabah dan Sarawak agar dapat menampung keperluan di dua negeri itu.

“Dengan pelan strategik yang



MOHAMAD Sabu (dua kanan) melihat hasil tuaian padi selepas merasmikan Program Santai Agro Madani: Penuaian SMARTSBB Ala Sekinchan IADA Ketara-Bernas 2023 di Kampung Gerai, Jerteh, Besut, semalam. - UTUSAN/KAMALIZA KAMARUDDIN

dirancang, kita yakin pengeluaran beras di Sabah dan Sarawak bukan sahaja boleh menampung keperluan dalam negeri tetapi

juga membekalkan beras ke negeri yang lain,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmi-

kan Program Santai Agro Madani: Penuaian SMARTSBB Ala Sekinchan IADA Ketara-Bernas 2023 di Dewan Terbuka Kampung Gerai dekat Jerteh di sini semalam.

Ketika ini, terdapat 22 pesawah yang terlibat dalam projek rintis itu di kawasan tersebut.

Sejak dimulakan pada penghujung tahun 2021, SMART SBB Ala Sekinchan kini dilaksanakan di seluruh negara melibatkan hampir 10,000 pesawah dengan keluasan lebih 26,000 hektar.

Mohamad berkata, selain Sabah dan Sarawak, Pahang dan Johor juga mengamalkan kaedah penanaman moden untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran beras berkualiti tinggi.

Katanya, kementerian juga memberi fokus kepada jadual penanaman padi di negeri Pantai Timur untuk membolehkan pesawah dapat menuai padi sebelum tiba musim tengkujuh sekali gus mengelak kerugian besar.